

Patuhi peraturan kurangkan risiko nahas

**Perhimpunan
Hampir
Universiti
Tun Hussein Onn
Malaysia (UTHM)**

Statistik terbaru Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyaksikan 5,939 kematian direkodkan daripada 585,729 kes kemalangan dilaporkan sehingga November tahun lalu.

Daripada jumlah itu, 67 peratus atau 4,014 kematian mengakibatkan penunggang dan pembonceng motosikal dengan majoriti terdiri daripada golongan belia berusia 16 hingga 35 tahun. Statistik kemalangan ini amat membimbangkan kerana angka nahas mengorbankan nyawa di jalan raya pada tahun lalu bukan satu jumlah kecil.

Berikutan musim cuti sekolah ketika ini dan sambutan Tahun Baharu Cina esok, jumlah kenderaan persendirian di jalan raya juga dijangka meningkat dengan drastik susulan ramai pulang ke kampung dan mengambil pelang bercuti bersama keluarga.

Oleh itu, Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan akan dilaksanakan Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk memastikan kelancaran lalu lintas dan keselamatan jalan raya.

Larangan itu bakal berkuat kuasa selama empat hari, iaitu sebelum perayaan Tahun Baharu Cina pada 27 dan 28 Januari serta selepas perayaan pada 1 dan 2 Februari.

Setiap peraturan ditetapkan pihak berkuasa bertujuan mengurangkan risiko kemalangan, di samping menjaga keselamatan nyawa dan harta benda.

Pastikan kenderaan dalam keadaan baik

Sehubungan itu, pengguna jalan raya digesa mematuhi peraturan jalan raya bagi mengelak kecelakaan tidak diingini. Pematuhan kepada peraturan seperti had laju, lampu isyarat dan penggunaan tali pinggang keledar diharap dapat mengurangkan risiko nahas.



Elak sikap pentingkan diri sendiri dan sentiasa memberi perhatian kepada keselamatan pengguna jalan raya lain ketika memandu

Satu daripada tanggungjawab dan ketamahan semua pemilik kenderaan adalah memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan baik.

Sebelum memulakan perjalanan, pemandu seharusnya memeriksa keadaan tayar, brek dan lampu berfungsi secara optimum. Sekiranya terdapat sebarang masalah pada komponen kereta, segera lakukan penyelenggaraan.

Ketika memandu, pastikan sentiasa pada jarak selamat dengan kenderaan di hadapan. Perkara ini perlu dititikberatkan, terutama apabila memandu di belakang kenderaan berat.

Di samping itu, pemandu disarankan berhenti dan berehat seketika jika berasa letih atau mengantuk ketika memandu. Banyak kes kemalangan dikatakan berpunca daripada tertidur atau *micro sleep*. Hal ini amat membahayakan kerana tempoh beberapa saat mampu mengundang padah.

Keselamatan di jalan raya memerlukan kerjasama erat dan kesedaran semua pihak. Elak sikap mementingkan diri sendiri dan sentiasa memberi perhatian kepada keselamatan pengguna jalan raya lain ketika memandu.

Paling utama, setiap pemandu dan penumpang perlu berwaspada di jalan raya demi perjalanan selamat ke destinasi.